

20/01/1998

Projek MSC siap setahun lebih awal

Radzi Wahab; Wan Sabariah Shikh Ali

SEPANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan proses pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana sebahagian besar projek itu siap hampir setahun lebih awal daripada jadual.

Menurut Perdana Menteri, kemajuan yang ditunjukkan itu sungguh menggalakkan, terutama apabila projek yang dijadualkan bagi 1999 dapat disiapkan penghujung tahun ini.

"Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan perkembangan ini. Kita lebih jauh mendahului jadual dengan pelaksanaan pembangunannya lebih cepat," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat MSC Keempat di Kompleks Transit Multimedia Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), di Cyberjaya, dekat sini hari ini.

Mesyuarat hampir empat jam itu turut dihadiri Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

MSC yang terletak di kawasan pusat multimedia seluas 50km x 15km dari Kuala Lumpur City Centre hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, diwujudkan bagi membangunkan produk berteknologi maklumat.

Dr Mahathir juga berpuas hati dengan sambutan terhadap MSC apabila sejumlah besar syarikat asing dan tempatan berminat menyertai projek mega itu.

"Malah, wujud juga gambaran yang beberapa pihak tertentu berniat memindahkan pelaburan mereka dari negara lain ke MSC," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu berlaku kerana apa yang ditawarkan oleh MSC lebih menarik berbanding negara lain, terutama yang membabitkan infrastruktur, selain perlindungan dari segi undang-undang siber.

Beliau menafikan yang MSC akan menghadapi masalah jika pemaju swasta yang membiayai projek berkenaan berdepan dengan masalah kewangan.

"Kami sudah menetapkan beberapa perkara yang harus diberikan keutamaan. Tapi, buat masa ini, mereka tidak seperti menghadapi masalah itu. Lagipun, mereka boleh mendapat kembali pelaburan itu melalui jualan tanah dan infrastruktur yang diwujudkan," katanya.

Mengenai perbezaan MSC dengan bandar lain di negara ini, Dr Mahathir berkata penduduk sekitar kawasan berteknologi maklumat itu memang mempunyai kelebihan.

Sebagai contoh, mereka akan mempunyai akses terus kepada Internet, manakala yang bekerja pula boleh keluar masuk tanpa menghadapi masalah visa.

Bagaimanapun, kerajaan tidak membuat tapisan ke atas Internet kerana setakat ini, belum ada cara berbuat sedemikian.

"Jika boleh, kerajaan memang mahu menghalang segala bahan yang tidak bermoral daripada sampai kepada rakyat tetapi buat masa ini, ia tidak mungkin dilakukan," katanya.

Mengenai agenda mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi MSC bulan depan, Dr Mahathir berkata perkara itu turut dibincangkan dan 22 Ketua Pegawai Eksekutif pelbagai syarikat antarabangsa sudah mengesahkan kehadiran mereka.

(END)